

BERITA HARIAN

DATE: 1/12/2007

# Malaysia perlu anjakan besar dalam inovasi: PM

Penekanan lebih serius mampu pertingkatkan pencapaian ekonomi

Oleh Azman Zakaria,  
Amirullah Andi Nur, Zainab  
Mohd Yatim dan Zef Othman

**K**UALA LUMPUR: Malaysia memerlukan anjakan besar dalam inovasi bagi memastikan pelbagai sektor dapat terus dimajukan, sekali gus membantu pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, walaupun inovasi kini sudah mula diberi perhatian oleh pelbagai pihak di negara ini, ia masih memerlukan penekanan yang lebih bagi memastikan ia dapat terus berkembang lebih pantas pada masa depan.

"Adalah menjadi harapan saya inovasi yang sudah mula mendapat tempat ini terus digerakkan supaya dapat diperluaskan lagi. Kita sudah pun mendapat momentumnya dan

kita mahu ia terus ditingkatkan lagi.

"Kita perlu buat anjakan besar dengan memberi laluan kepada inovasi untuk meningkatkan pencapaian ekonomi jika mahu pertumbuhan lebih tinggi daripada yang sudah berjaya kita capai pada hari ini," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2007 (Nice 07) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam. Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis.

Persidangan dan pameran lima hari berakhir semalam itu bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya inovasi, melahirkan idea baru, menanamkan budaya inovasi serta berkongsi pengalaman dengan individu dan kumpulan yang berjaya

dalam inovasi.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikan anugerah kepada pemenang empat kategori Anugerah Inovasi Negara 2007 dan memperkenalkan komputer peribadi 'Mak-Cik PC' yang dibangunkan Mimos Bhd untuk kegunaan, terutama masyarakat luar bandar.

Abdullah berkata, sekolah mesti memberi penekanan kepada inovasi dari peringkat awal pembelajaran, manakala Kementerian Pengajian Tinggi pula perlu bersedia dengan memastikan pelajar dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan, termasuk dalam bidang teknologi dan maklumat.

Katanya, pihak industri mesti mengiktiraf dan mengakui pentingnya inovasi, dengan bersedia memberikan geran serta membantu memasarkan pelbagai inovasi yang dicipta oleh Malaysia sehingga ke

peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, sokongan itu adalah penting dalam memastikan negara ini terus maju.

"Inovasi adalah pendekatan mencapai misi menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 dan terus maju selepas itu. Yang penting ialah memberi penekanan kepada modal insan supaya berilmu pengetahuan dan mempunyai kekuatan minda bagi memacu usaha inovasi," katanya.

Sebelum itu, Abdullah melawat gerai yang menyertai Nice 07 serta mempengerusikan Mesyuarat Majlis Inovasi Nasional kedua.

Katanya, mesyuarat itu antara lain membincangkan kertas kerja bertajuk 'Malaysia: Pasaran dan Pemanduan Teknologi Inovasi Bagi Menjana Kekayaan dan Kesejahteraan Masyarakat' bagi membantu pelaksanaan pelbagai program inovasi.